

14/08/1998

Falsafah politik lama tidak sesuai

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan pandangan seorang ahli panel penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC), Alvin Toffler, bahawa falsafah politik dan ekonomi lama tidak lagi sesuai pada masa kini.

Menurut Perdana Menteri, dalam pertemuannya dengan Toffler pagi ini, mereka berbincang mengenai pelbagai perkara, termasuk soal kegawatan ekonomi dan MSC.

"Dia bincang mengenai perubahan dalam falsafah politik dan ekonomi. Dia kata, falsafah lama tak boleh lagi digunakan kerana tidak sesuai dengan kelancaran perkembangan informasi dan jumlah informasi yang kita dapat.

"Dia kata pemerintah sekarang masih berfikir mengikut zaman industri yang mana kita mempunyai masa yang banyak. Tetapi di zaman maklumat ini, maklumat datang dengan tiba-tiba.

"Jadi kita nak rancang satu-satu dasar lebih susah kerana sistem atau cara pemerintah membuat keputusan agak lambat.

"Saya bersetuju dengan kedua-dua pandangan itu," katanya selepas melancarkan Ekspo Produk Malaysia, di sini hari ini.

Toffler, penulis buku The Future Shock berada di sini untuk meninjau perkembangan terkini projek MSC dan kemudian berlepas ke Kuching untuk menghadiri satu persidangan di sana.

(END)